



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH PERSEKITARAN PEMBELAJARAN TERHADAP
KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR
TAHUN AKHIR DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA DI SELANGOR***

MARTINI BINTI MOHAMAD

FPP 2018 17



**PENGARUH PERSEKITARAN PEMBELAJARAN TERHADAP
KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR
TAHUN AKHIR DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA DI SELANGOR**

Oleh

MARTINI BINTI MOHAMAD

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH PERSEKITARAN PEMBELAJARAN TERHADAP
KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR
TAHUN AKHIR DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA DI SELANGOR**

Oleh

MARTINI BINTI MOHAMAD

April 2018

Pengerusi : Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran kerja berpasukan merupakan antara kemahiran insaniah yang menjadi keutamaan majikan dalam mendapatkan pekerja. Terdapat majikan di industri yang mengaitkan kekurangan kemahiran kerja berpasukan antara faktor utama yang menjejaskan kebolehpasaran graduan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dengan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar tahun akhir program Diploma Vokasional Malaysia, Kolej Vokasional di Selangor. Rekabentuk kajian ini adalah kolerasi dan seramai 241 orang pelajar tahun akhir telah terlibat sebagai responden kajian. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi lima bahagian iaitu maklumat demografi, persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran berdasarkan hubungan antara pelajar, persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran berdasarkan hubungan antara pelajar dengan guru, persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran berdasarkan hubungan antara pelajar dengan kaedah pembelajaran dan kemahiran kerja berpasukan.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar tahun akhir program DVM, KV adalah tinggi. Wujudnya hubungan positif yang kuat antara semua faktor persekitaran pembelajaran yang dikaji dengan tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar. Semua persekitaran pembelajaran dalam kajian ini juga merupakan peramal signifikan kepada tahap kemahiran kerja berpasukan di mana hubungan antara pelajar dengan kaedah pembelajaran dikenal pasti sebagai peramal terbaik. Dapatan kajian memberikan implikasi bahawa persekitaran pembelajaran yang positif berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan

guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran berupaya meningkatkan tahap kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Tahap kemahiran kerja berpasukan yang tinggi diperlukan dalam memastikan matlamat penubuhan Kolej Vokasional yang mensasarkan 70% graduan menceburi bidang pekerjaan dapat dicapai.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**INFLUENCE OF THE LEARNING ENVIRONMENT ON TEAMWORK
SKILLS IN FINAL YEAR STUDENTS OF THE MALAYSIAN
VOCATIONAL DIPLOMA, VOCATIONAL COLLEGES IN SELANGOR**

By

MARTINI BINTI MOHAMAD

April 2018

Chairman : Abdullah Mat Rashid, PhD
Faculty : Educational Studies

Teamwork skills is one of the soft skills which are prioritised by employees when selecting employees. There are employees in the industry that link the lack of teamwork skills as one of the main factors that affect the marketability of graduates in Malaysia. This study is intended to observe the influence of the learning environment based on the perception of relationship among students, relationship between student and teacher and relationship between student and the method of learning with teamwork skills among the final year students of the Malaysian Vocational Diploma Programme, Vocational Colleges in Selangor. The design of the research is by correlation and 241 final year students were involved as research respondents. The questionnaire forms used in this research contains five sections which are demographic information, student perception towards the learning environment based on the relationship among students, perception of the student on the learning environment based on the relationship between student and teacher, student perception of the learning environment based on the relationship between student and the method of learning and teamwork skills.

The findings of this research show that the level of teamwork skills among the final year students of the MVD, VC programme is high. There exists strong positive relationship among all the characteristics of the learning environments studied with the level of teamwork skills of students. All the learning environments in this research are also significant predictors of the level of teamwork skills where the relationship between student and the method of learning is identified as the best predictor. Research findings imply that a positive learning environment based on the perception of relationship among students, relationship between student and teacher and relationship between student and the method of learning is able to increase the

level of teamwork skills among students. A high level of teamwork skills is required to ensure that the objective of establishing Vocational Colleges which target 70% of its graduates to participate in employment is achieved.



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah ini setelah melalui pelbagai suka duka yang dapat dijadikan pengalaman yang sangat bermakna. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr Abdullah Bin Mat Rashid selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan. Ribuan terima kasih juga kepada Dr Mohd Hazwan Bin Mohd Puad selaku ahli jawatankuasa penyeliaan atas segala kerjasama dan teguran.

Akhirnya, terima kasih yang tidak terhingga juga buat suami tercinta Jeza Bin Md Diah yang tidak pernah jemu memberikan kata-kata semangat dan dorongan. Buat anak-anak tersayang Muhammad Hanif Haikal, Jafni Adawiyah, Jannah Adriana, Muhammad Harraz Hamzi, Muhammad Hasif Hafiy dan Jalwa Alisha, kalian adalah sumber kekuatan kepada Ummy untuk menyiapkan kajian ini. Semoga usaha ini dapat memberi inspirasi kepada kalian di masa akan datang. Tidak lupa buat ayahbonda tercinta Mohamad Bin Salleh dan Maznah Bt Ahmad serta bonda mertua Jahulah Bt Abdul Aziz dan adik beradik tersayang yang sentiasa memberi semangat dan sokongan. Juga buat semua rakan-rakan seperjuangan terutama Fazillah, Lailatul, Ayub dan Suhaila serta semua pihak yang terlibat khususnya Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan memberikan keberkatan di dunia dan akhirat kepada semua.

Jazakumullah Khairan Kathira.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdullah Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Martini Binti Mohamad, GS 42057

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Abdullah Mat Rashid

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Mohd Hazwan Mohd Puad

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.4.1	Objektif Umum	7
1.4.2	Objektif Khusus	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop dan Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	9
1.8.1	Kemahiran Kerja Berpasukan	9
1.8.2	Persekitaran Pembelajaran	9
1.8.2.1	Hubungan antara pelajar	10
1.8.2.2	Hubungan pelajar dengan guru	10
1.8.2.3	Hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran	10
1.8.3	Kolej Vokasional	10
1.9	Rumusan	11
2	SOROTAN LITERATUR	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Diploma Vokasional Malaysia, Kolej Vokasional	12
2.3	Kemahiran Kerja Berpasukan	13
2.4	Persekitaran Pembelajaran	16
2.4.1	Hubungan Antara Pelajar	17
2.4.2	Hubungan Pelajar Dengan Guru	19
2.4.3	Hubungan Pelajar Dengan Kaedah Pembelajaran	20
2.5	Teori Pembelajaran Koperatif	22

2.6	Teori Tuckman	25
2.7	Kerangka Kajian	26
2.8	Rumusan	27
3	METODOLOGI KAJIAN	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Persampelan	28
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	33
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	34
3.8	Analisis Data	34
3.9	Rumusan	36
4	DAPATAN KAJIAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Demografi Responden	37
4.3	Dapatan Objektif Kajian 1	39
4.3.1	Tahap kemahiran kerja berpasukan	39
4.3.2	Persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar	43
4.3.3	Persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan pelajar dengan guru	45
4.3.4	Persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran	46
4.4	Dapatan Objektif Kajian 2	49
4.4.1	Hubungan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar	49
4.4.2	Hubungan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar dengan guru	49
4.4.3	Hubungan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar dengan kaedah pembelajaran	49
4.5	Dapatan Objektif Kajian 3	50
4.6	Rumusan	51
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	52
5.1	Pengenalan	52
5.2	Ringkasan Kajian	52
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	53

5.3.1	Tahap kemahiran kerja berpasukan, persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar tahun akhir program DVM Kolej Vokasional	53
5.3.2	Hubungan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dengan kemahiran kerja berpasukan	61
5.3.3	Faktor peramal yang mempengaruhi tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar	64
5.4	Kesimpulan	65
5.5	Implikasi	66
5.6	Cadangan	66
RUJUKAN		68
LAMPIRAN		80
BIODATA PELAJAR		92

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Bilangan Sampel Mengikut Kolej Vokasional	31
3.2 Nilai Alpha Cronbach	34
3.3 Nilai Skewness dan Kurtosis Pembolehubah Kajian	35
3.4 Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata	35
3.5 Pekali Korelasi Pearson	36
3.6 Analisis Statistik Yang Digunakan Dalam Kajian	36
4.1 Demografi Responden	38
4.2 Frekuensi, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Kerja Berpasukan	40
4.3 Frekuensi, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Hubungan Antara Pelajar	44
4.4 Frekuensi, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Hubungan Pelajar Dengan Guru	46
4.5 Frekuensi, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Hubungan Pelajar Dengan Kaedah Pembelajaran	48
4.6 Ujian Korelasi Pearson Bagi Hubungan Persekitaran Pembelajaran Dengan Kemahiran Kerja Berpasukan Pelajar Tahun Akhir DVM	50
4.7 Analisis Regresi Pelbagai Untuk Persekitaran Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Hubungan Antara Pelajar, Hubungan Pelajar Dengan Guru dan Hubungan Pelajar Dengan Kaedah Pembelajaran Meramal Kemahiran Kerja Berpasukan Pelajar (N=241)	51

SENARAI SINGKATAN

PLTV	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
PB	Pentaksiran Berterusan
PA	Pentaksiran Akhir
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
KV	Kolej Vokasional
RAND	Rawak
LEI	Learning Environment Inventory
KIM	Kemahiran Insaniah Mesti
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
CA	Core Ability
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
OJT	On Job Training
PLO	Program Learning Outcome
SPKV	Struktur Program Kolej Vokasional

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian diikuti dengan permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian. Seterusnya bab ini membincangkan kepentingan kajian diikuti dengan skop kajian dan penerangan tentang definisi operasi yang digunakan dalam kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pekerjaan pada masa kini menuntut kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan selain keperluan kemahiran teknikal. Majikan meletakkan kemahiran kerja berpasukan sebagai kriteria utama yang perlu ada ketika pemilihan pekerja baru (National Association of College and Employers, 2018) dan merupakan kemahiran bukan teknikal yang perlu dikuasai oleh pekerja (Mohd Puad, 2015). Kemahiran kerja berpasukan dapat membantu sesebuah organisasi memaksimumkan kemahiran dan juga bakat setiap ahli di dalam pasukan tersebut serta membantu pengukuhan sesebuah organisasi ke arah pencapaian matlamat (Zulhamri, Mohammad Shattar, Samir, Paramshivam, Aidy & Azali, 2010). Selain itu, majikan di industri juga sangat mementingkan kemahiran kerja berpasukan bagi melancarkan pengurusan organisasi (Mohd Yusof, Mohamad Sattar, Ramlee, Syed & Rose Amnah, 2013) dan seterusnya dapat memberikan sumbangan yang besar kepada sesebuah organisasi tersebut. Justeru menjadi keperluan dalam diri seseorang pekerja untuk memiliki kemahiran kerja berpasukan ke arah mencapai matlamat sesebuah organisasi kerana kecekapan dan penguasaan kemahiran ini telah menjadi syarat utama bagi pekerja moden hari ini.

Dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan, sesebuah negara membangun berkeupayaan untuk bersaing dengan negara maju jika mempunyai sumber manusia yang baik iaitu bukan sahaja cemerlang akademik malah mempunyai kemahiran insaniah yang baik. Justeru institusi pendidikan kini perlu menyediakan pelajar yang mempunyai kemahiran kerja berpasukan kerana perubahan dan persaingan yang berlaku dalam dunia pekerjaan kini memerlukan pekerja berpengetahuan yang dapat memenuhi kehendak dunia pekerjaan. Ini adalah kerana trend majikan pada masa kini adalah untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang bercirikan pekerja berpengetahuan. Majikan memilih pekerja berpengetahuan yang bukan sahaja boleh menguasai kemahiran teknikal malahan kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan ke arah menggerakkan perniagaan seiring dengan pertumbuhan ekonomi (Mohd Yusof, Seri Bunian, Abdul Aziz dan Ramlee, 2010). Pekerja berpengetahuan adalah pekerja-pekerja yang dapat menggabung dan menganalisis pelbagai maklumat, menambah nilai maklumat serta dapat berkomunikasi dengan baik bagi berkongsi

maklumat dalam menghasilkan satu keputusan yang bijak serta dapat mendatangkan faedah kepada organisasi (Mohd Yusop, 2005).

Perkembangan dalam industri melalui kemajuan teknologi telah menyebabkan permintaan untuk pekerja mahir dan berkualiti semakin meningkat. Malaysia telah memperkenalkan polisi Pelan Kebolehpasaran Graduan Kebangsaan 2012-2017 yang bertujuan untuk memastikan tumpuan diberikan kepada penyediaan latihan, pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Justeru graduan perlu dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah yang baik disamping ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diambil. Kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran yang amat penting yang perlu dikuasai oleh graduan sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Ini adalah kerana terdapat majikan di industri yang mengaitkan kekurangan kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan, etika kerja yang positif, kemahiran komunikasi, kebolehan membuat keputusan dan kepimpinan sebagai faktor utama yang menjejaskan kebolehpasaran graduan di Malaysia (Zaliza, Arasinah, Tee & Mohd Hasni, 2016).

Malaysia bercita-cita untuk diiktiraf sebagai sebuah negara perindustrian ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang berpendapatan tinggi dengan meningkatkan tahap pendapatan per kapita daripada USD \$6,700 pada tahun 2009, melepasi USD \$15,000 menjelang 2020 (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksana, 2012). Oleh yang demikian, kerajaan perlu terus berusaha untuk mendidik dan melatih modal insan ke arah melahirkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi dan mempunyai kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan yang baik. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan meningkatkan enrolmen dalam program-program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV). Pelbagai kementerian, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta adalah jentera yang bekerja ke arah memastikan Malaysia mempunyai 3 juta pekerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020 (Jovina, Ab Rahim & Shamsiah, 2014). Oleh yang demikian bidang fokus dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), 2016-2020 adalah menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, memastikan PLTV yang diterajui oleh industri dapat memenuhi permintaan pasaran, meluaskan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran berterusan serta meningkatkan kualiti sistem pendidikan bagi menghasilkan pelajar berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Di bawah RMK-11, sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangkakan memerlukan kelayakan yang berkaitan dengan PLTV. PLTV merupakan pemacu perubahan bagi menghasilkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran. Salah sebuah institusi pendidikan PLTV yang secara langsung terlibat dalam menyediakan modal insan bertaraf dunia dan telah menggalas satu tanggungjawab yang berat bagi merealisasikan RMK-11 adalah Kolej Vokasional. Ciri utama Negara berpendapatan tinggi adalah kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi serta tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan professional. Menerusi RMK-11, kerajaan akan

menambah baik kurikulum bagi membangunkan kemahiran abad ke-21 dalam diri pelajar. Oleh itu bagi menyediakan modal insan bertaraf dunia, sistem pendidikan memastikan setiap murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Sistem PLTV adalah dikenali sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk pelajar yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi seperti yang dikehendaki oleh industri pada masa kini (Nurazimah & Yusri, 2013). Abdullah (2011) menegaskan bahawa melalui sistem pendidikan yang sentiasa ditambahbaik, PLTV dapat menyumbang untuk melahirkan individu yang kreatif. Sehubungan itu, penubuhan Kolej Vokasional merupakan satu langkah positif yang diambil oleh kerajaan ke arah melahirkan modal insan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi namun mempunyai kemahiran kerja berpasukan yang baik selaras dengan keperluan industri negara. Pembangunan modal insan berkemahiran tinggi adalah perlu bagi membantu Malaysia beranjak ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan dan bernilai tinggi yang merupakan tonggak kepada negara maju. Seterusnya pewujudan pasaran buruh yang lebih cekap akan menyumbang kepada pemadanan permintaan dengan penawaran yang lebih baik dan membolehkan setiap rakyat mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang ditawarkan di Kolej Vokasional menyediakan laluan utama bagi melahirkan pekerja berpengetahuan yang berkemahiran tinggi dan seterusnya mampu menyumbang kepada penjanaan kekayaan baru bagi negara. Walau bagaimanapun hasrat ini sukar untuk direalisasikan sekiranya graduan program DVM Kolej Vokasional ini tidak dilengkapi dengan kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan. Menurut takrifan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran kerja berpasukan adalah kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama ahli kumpulan untuk mencapai objektif yang sama, kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli kumpulan serta kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan ahli kumpulan. Oleh yang demikian kemahiran kerja berpasukan yang baik perlu ada bagi memastikan graduan DVM ini dapat memenuhi keperluan pasaran kerja dan seterusnya mampu memenuhi dunia professional pada masa hadapan.

Hala tuju program DVM yang ditawarkan di Kolej Vokasional adalah untuk melahirkan graduan berkemahiran pekerjaan aras tinggi yang menepati kehendak industri, melahirkan pelajar berkemahiran usahawan dalam bidang vokasional pilihannya, memupuk watak professional, memupuk kecintaan kepada pembelajaran sepanjang hayat dan membekalkan ilmu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. KPM mengasaskan 70% graduan Kolej Vokasional menceburi bidang pekerjaan, 20% melanjutkan pelajaran dan 10% menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau sebagai usahawan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Sehubungan itu, kurikulum yang dibangunkan untuk Kolej Vokasional adalah komprehensif dan ianya melibatkan kakitangan dari industri dalam proses

pembangunan kurikulum bertujuan memastikan pelajar dilengkapi dengan pelbagai kemahiran tertentu iaitu kemahiran teknikal, praktikal dan juga kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan disamping pengetahuan akademik. Justeru keperluan dan kualiti pekerja yang perlu dipunyai oleh setiap pelajar dapat dijelaskan oleh pihak industri yang terlibat dalam pembangunan kurikulum tersebut.

DVM merupakan program sepenuh masa yang ditawarkan di Kolej Vokasional KPM dan Kolej Vokasional Swasta bagi lulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang kini telah digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Pelajar-pelajar yang mengikuti program DVM melalui pembelajaran selama 4 tahun di Kolej Vokasional. 2 tahun pertama adalah tahap Pra Diploma dan 2 tahun seterusnya adalah peringkat Diploma sebelum ke industri untuk menjalani *On Job Training* selama 5 bulan. Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) program DVM mengandungi dua komponen kursus iaitu akademik dan vokasional yang wajib diikuti oleh pelajar dengan nisbah jam kredit 30:70 untuk peringkat sijil pra diploma dan 20:80 untuk peringkat Diploma (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Sistem pengajian program DVM di Kolej Vokasional adalah berorientasikan pembelajaran berasaskan pekerjaan di mana kandungan pembelajaran adalah berasaskan kompetensi bekerja, keusahawanan dan insaniah. Pelajar-pelajar yang mengikuti program DVM ini juga diwajibkan mengambil kursus *Core Ability* (CA) dan wajib kompeten dalam semua modul tersebut di mana kursus ini menekankan kemahiran kebolehkkerjaan yang dilaksanakan dan perlu dikuasai dalam diri setiap pelajar bagi melahirkan pekerja yang berkemahiran. Antara kemahiran kebolehkkerjaan tersebut ialah kemahiran bekerja dalam pasukan. Selain itu para pelajar juga diwajibkan mengikuti kursus Kokurikulum diperingkat Pra Diploma (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Komponen vokasional merupakan komponen yang paling utama dalam sistem pembelajaran program DVM Kolej Vokasional yang wajib diikuti oleh pelajar berdasarkan program masing-masing. Komponen vokasional ini terdiri daripada modul teori dan amali dengan nisbah dimensi 30:70 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Nisbah ini menunjukkan pembelajaran amali merupakan komponen utama sistem pembelajaran program DVM dan memerlukan penglibatan aktif pelajar dan seterusnya menuntut kemahiran kerja berpasukan. Ini adalah kerana pelajar perlu bekerjasama dan berkolaborasi antara satu sama lain ketika pelaksanaan pembelajaran amali. Selain itu sistem pentaksiran dan penilaian pelajar terbahagi kepada dua iaitu Pentaksiran Berterusan (PB) dan Pentaksiran Akhir (PA) di mana nisbah pemberatan PB dan PA adalah 70:30 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Justeru nisbah pemberatan PB yang tinggi ini juga memerlukan komitmen yang sepenuhnya dan penglibatan aktif dari setiap pelajar yang mengikuti program DVM dalam memastikan mereka kompeten untuk setiap modul yang dipelajari.

Penilaian persekitaran pembelajaran sesebuah institusi pendidikan seperti Kolej Vokasional dapat memberi maklumat berguna dalam meninjau kesannya ke atas kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran kerja berpasukan dan ke arah meningkatkan kualiti persekitaran pembelajaran. Menurut Fraser (1998), persekitaran pembelajaran merujuk kepada konteks sosial, psikologikal dan pedagogi di mana pembelajaran berlaku yang memberi kesan kepada attitud dan pencapaian pelajar. Manakala Fraser, Anderson dan Walberg (1982) menjelaskan persekitaran pembelajaran merangkumi ciri-ciri khas profil kumpulan kelas yang boleh diukur dan ada kepentingan untuk kajian ke atas kelas sebagai satu kumpulan sosial. Ciri-ciri tersebut adalah hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru, hubungan pelajar dengan subjek yang dipelajari dan kaedah pembelajaran dan yang terakhir berkenaan ciri struktur kelas tersebut. Justeru persekitaran pembelajaran bukan sekadar ruang fizikal, malahan mengandungi pelbagai sumber maklumat dan bahan, melibatkan interaksi, perhubungan antara dan sesama pelajar dan guru serta jangkaan dan peraturan untuk pembelajaran dan tingkah laku (Aladejana & Aderibigbe, 2007).

Persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat menggalakkan aktiviti intelektual, persahabatan, kerjasama dan sokongan di samping menggalakkan pembelajaran, pertumbuhan dan perkembangan pelajar. Ismail (2012), berpendapat bahawa kualiti graduan bergantung kepada kualiti guru dan persekitaran kondusif yang merangkumi infrastruktur, sosialisasi, lokasi dan lain-lain yang dapat membantu ke arah pembinaan sahsiah terpuji dan pencapaian akademik yang cemerlang. Menurut Mok (2008), persekitaran seperti keluarga, rakan, komuniti, kemudahan teknologi, persekitaran institusi dan guru merupakan elemen yang dikenal pasti mempengaruhi perkembangan individu. Mok menjelaskan pengaruh budaya dan kepercayaan komuniti adalah persekitaran untuk manusia saling berinteraksi antara satu sama lain di mana budaya dan kepercayaan dalam komuniti akan mempengaruhi perkembangan individu tersebut. Ini bermakna komuniti yang bersikap positif akan mempengaruhi ahlinya untuk bersikap positif dan mengamalkan budaya yang sihat dan sebaliknya. Rabiner, Godwin dan Dodge (2016) menegaskan kemahiran sosial individu adalah antara peramal kepada pencapaian akademik. Kemahiran sosial yang baik dapat membina interaksi berkesan antara murid, guru dan kandungan pelajaran seterusnya mampu mempengaruhi pencapaian murid dalam pelajaran. Interaksi berkesan yang wujud dalam kalangan pelajar seterusnya berupaya menyumbang kepada kemahiran kerja berpasukan.

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), merangkumi tiga aspek iaitu kualiti institusi, kualiti graduan dan kualiti keseluruhan sistem yang mana kementerian berhasrat untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan daripada 75% ketika ini kepada lebih 80% menjelang 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Justeru bagi merealisasikan aspirasi tersebut adalah dengan menghasilkan graduan PLTV yang berkualiti. Oleh yang demikian keberkesanan output pendidikan vokasional haruslah mampu bersaing dan bersifat fleksibel iaitu mudah menyesuaikan diri dalam apa jua persekitaran seiring dengan kepesatan

teknologi dalam industri dan keadaan ekonomi global yang kompetitif (Kapranos, 2014).

Walau bagaimanapun keberhasilan output pendidikan vokasional khususnya lepasan Diploma Vokasional Malaysia, Kolej Vokasional tidak dapat direalisasikan jika terdapat kelemahan dalam diri pelajar itu sendiri. Kajian (Boahin & Hofman, 2013) mendapati bahawa graduan lemah dalam kemahiran pekerjaan seperti kerja berpasukan, kemahiran organisasi, ICT dan kemahiran komunikasi. Sehubungan dengan itu, kemahiran kerja berpasukan merupakan salah satu kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan kerana kemahiran ini dititikberatkan oleh majikan dalam memilih pekerja baru dan merupakan kemahiran yang sangat diperlukan pada abad ke-21.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran yang sangat penting yang dikehendaki oleh industri kini (Abdul Rahim, Wan Nurmahfuzah & Badariah, 2016) dan menjadi kriteria utama yang dilihat oleh majikan dalam memilih pekerja baru (National Association of College and Employers, 2017; National Association of College and Employers, 2018). Kajian yang dijalankan oleh Rosima, Mohd Izham dan Nora (2013) dalam kalangan majikan industri di Malaysia menunjukkan 80% majikan meletakkan aspek kemahiran kerja berpasukan sebagai keperluan utama dalam kalangan pekerja. Peratusan ini jelas menunjukkan kemahiran kerja berpasukan perlu dikuasai dalam kalangan graduan DVM Kolej Vokasional sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Ini dalam memastikan matlamat Kolej Vokasional yang mensasarkan 70% daripada graduan menceburi bidang pekerjaan, 20% melanjutkan pelajaran dan 10% menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau sebagai usahawan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) dapat dicapai.

Walau bagaimanapun tahap kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelatih institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional adalah sederhana (Saari & Mat Rashid, 2013) dan laporan menunjukkan majikan belum berpuas hati terhadap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelatih (Ramlee, Mohd Yusof, Syed A. Malik & Seri Bunian, 2014; Mohd Yusof, 2014). Sementara itu kajian yang dijalankan oleh Zafir, Ishak dan Abd Hair, (2015) mendapati prestasi kemahiran kerja berpasukan bagi graduan semasa yang sedang bekerja belum memenuhi kehendak majikan. Seterusnya kajian Zaliza et al. (2016) pula mendapati terdapat jurang yang besar dan signifikan di antara kemahiran kerja berpasukan yang penting berdasarkan perspektif majikan industri dengan kemahiran kerja berpasukan yang diintergrasikan berdasarkan perspektif graduan bidang PLTV.

Kajian-kajian terdahulu telah mengaitkan kemahiran kerja berpasukan dengan faktor aktiviti Kokurikulum (Saadan, Bokhari, Yahya, Aziz, Rajikon, Hassan, & Pilus, 2011; Mohd Akmal, 2013; Alunawati, 2015) dan kurikulum (Schena, 2010; Murihah, Ilias, Jasmi, Abdul Hafiz & Arief Salleh, 2016). Melalui sorotan kajian

lepas didapati faktor-faktor seperti aktiviti kokurikulum dan kurikulum dapat mempengaruhi kemahiran kerja berpasukan. Selain faktor tersebut kemahiran kerja berpasukan juga boleh digilap melalui persekitaran pembelajaran yang telah dilalui oleh pelajar di institusi pengajian mereka. Persekitaran pembelajaran tersebut adalah merujuk kepada tempat di mana berlakunya proses pembelajaran yang meliputi konteks sosial, psikologikal dan juga pedagogikal (Fraser, 1998). Menurut Dunkin dan Biddle (1974) dan Fraser (1998), persekitaran pembelajaran dapat mempengaruhi tingkah laku murid di dalam bilik darjah.

Oleh yang demikian, penyelidik mengambil inisiatif untuk menjalankan satu kajian bagi menilai tahap kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar tahun akhir program DVM dengan mengaitkan persekitaran pembelajaran di Kolej Vokasional. Penyelidik berminat untuk melihat pengaruh persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dengan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar tahun akhir program DVM Kolej Vokasional.

1.4 Objektif Kajian

Penyelidik membahagikan objektif kajian kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian adalah untuk mengkaji pengaruh persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran terhadap kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar tahun akhir program DVM Kolej Vokasional.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian adalah;

1. Menenal pasti tahap kemahiran kerja berpasukan, persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional.
2. Menentukan hubungan antara tahap persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar, hubungan pelajar dengan guru dan hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dengan tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar.
3. Menenal pasti faktor peramal yang menyumbang kepada tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional?
2. Apakah keadaan persekitaran pembelajaran pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar?
3. Apakah keadaan persekitaran pembelajaran pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar dengan guru?
4. Apakah keadaan persekitaran pembelajaran pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar dengan kaedah pembelajaran?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan antara pelajar dengan tahap kemahiran kerja berpasukan bagi pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan pelajar dengan guru dengan tahap kemahiran kerja berpasukan bagi pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran berdasarkan persepsi hubungan pelajar dengan kaedah pembelajaran dengan tahap kemahiran kerja berpasukan bagi pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional?
8. Apakah faktor peramal yang mempengaruhi tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar tahun akhir program DVM di Kolej Vokasional?

1.6 Kepentingan Kajian

